

28 NOV 2002

Mahathir-Militan/I

MALAYSIA JAUH DI HADAPAN DALAM MENANGANI MILITAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia lebih banyak mengambil tindakan terhadap golongan berpotensi menjadi pengganas berbanding dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri berkata oleh itu, tidak ada apa yang perlu dibimbangkan di negara ini.

"Kita tahu mengenainya (kegiatan militan) jauh lebih awal sebelum 11 Sept. Kita telahpun mengambil tindakan," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai pengebom berani mati yang ditangkap oleh polis di Johor baru-baru ini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sedang memantau kegiatan di sekolah agama kerana ada yang tidak mengajar pendidikan agama tetapi perkara lain.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan majlis persijilan bagi pengeluaran kenderaan pelbagai guna, Inokom Atos, yang dihasilkan oleh Inokom Corporation Sdn Bhd (Inokom) dan Hyundai Motor Corporation, Korea.

Mengenai penangkapan mereka yang dikaitkan dengan kegiatan militan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tahu di mana mereka berada dan sebab itu ia tidak membimbangkan.

Beliau berkata ia boleh membimbangkan jika kerajaan tidak tahu di mana mereka berada.

"Tetapi, kita tahu di mana kesemua mereka berada," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan ini terdiri daripada mereka yang sedar bahawa mereka tidak dapat berkuasa menerusi cara demokrasi di negara ini.

Golongan ini telah pergi ke Pakistan dan Afghanistan untuk belajar cara menggunakan kekerasan untuk mengambil alih tampuk pemerintahan.

"Mereka pulang tetapi tidak bersedia menghadapi perkara seperti ini, jadi mereka bukanlah satu ancaman kepada negara ini, dan lambat laun mereka akan dikesan," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan melarang ammonium natrium yang digunakan membuat letupan, Perdana Menteri berkata kerajaan mampu memantau bekalan baja yang menggunakan bahan itu.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak terkejut bahawa golongan seperti itu ada di negara ini.

"Apabila kita mula mengesan ada orang seperti ini, kita tahu daripada maklumat yang kita ada, bahawa ada beberapa orang lagi di sini," katanya.

Mengenai dua Anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari MCA yang tidak menyokong keputusan Barisan Nasional negeri menolak satu usul pembangkang, Dr Mahathir berkata terpulang kepada MCA untuk membuat keputusan.

"Tindakan yang mereka (MCA) boleh ambil ialah menggugurkan kedua-duanya tetapi jika mereka mahu BN membuat keputusan, kita sedia mengkaji kes itu," katanya.

-- BERNAMA

HS CS MAI